

SOALAN NO. 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berkaitan usaha yang dilakukan bagi menangani isu kebanyakannya bangunan pejabat kerajaan yang masih tidak lagi mesra OKU dan menyebabkan mobilasi OKU agak terbatas masih lagi bergantung kepada kepada pertolongan orang lain

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bangunan kerajaan mesra orang kurang upaya (OKU), pihak jabatan telah mengambil tindakan dengan menubuhkan **Jawatankuasa Rekabentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**. Ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada para profesional seperti arkitek, jurutera, ahli akademik, wakil pihak berkuasa tempatan (PBT), wakil Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta agensi lain yang berkaitan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu aksesibiliti bagi golongan OKU di negara ini. Penubuhan jawatankuasa ini adalah sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 26 Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang memperuntukkan akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam.

Penglibatan pelbagai agensi teknikal dan penguatkuasa di dalam Jawatankuasa ini telah berjaya merangka beberapa langkah yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat;
- b) PBT melantik OKU sebagai ahli Jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan PBT;
- c) menubuhkan Unit Audit Akses di setiap PBT;
- d) Kajian Audit Akses dilaksanakan di beberapa kawasan termasuk bangunan atau kemudahan asas seperti KL Sentral, Stesen LRT dan Terminal Bersepadu Selatan (BTS);
- e) penerbitan Malaysian Standard MS 1184:2014 oleh Jabatan Standard Malaysia yang merupakan garis panduan komprehensif bagi reka bentuk sejahtera dan aksesibiliti di bangunan-bangunan;
- f) Manual Audit Akses 1Malaysia sebagai penanda aras yang dapat memberi panduan dan rujukan oleh PBT; dan
- g) Kempen Kesedaran 'Disability Equality Training' bertujuan untuk masyarakat dan majikan memahami punca dan mekanisme yang menyebabkan ketidakupayaan akses berlaku seperti pengasingan sosial, diskriminasi dan lain-lain.

Sejajar dengan usaha ini juga, pihak kerajaan telah mengambil langkah dengan menambahbaikkan bangunan lama agar mesra OKU. Manakala bangunan yang baru dibina telah dipastikan mematuhi garis panduan

aksessabiliti OKU seperti yang ditetapkan di dalam Dokumen Malaysia Standard MS 1184:2014.

KPWKM juga mohon kerjasama semua agensi kerajaan yang belum melaksanakan arahan Jemaah Menteri agar memberi perhatian serius dan mengambil berat terhadap semua pembinaan bangunan baru dan pengubahsuaian bangunan sedia ada mengambilkira kemudahan dan kelengkapan yang berkaitan dengannya menepati rekabentuk sejagat bagi memudahkan akses kepada golongan OKU.